

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT PERKENAL KAD KREDIT-i AWWAL, LEBIH MAMPU MILIK, PERKUKUH AKSES PEMBIAYAAN BERHEMAH UNTUK RAKYAT

Kuala Lumpur, 28 Julai 2026 - Dalam usaha memperkukuh daya tahan kewangan rakyat dan menggalakkan amalan pembiayaan yang lebih bertanggungjawab, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini memperkenalkan Kad Kredit-i Awwal, sebuah kad kredit-i yang menawarkan akses kepada pembiayaan secara lebih telus, mampu milik dan berhemah berlandaskan prinsip Syariah.

Pelancaran ini mencerminkan komitmen berterusan Bank Muamalat dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang benar-benar memenuhi keperluan rakyat, khususnya ketika kos sara hidup terus meningkat dan ketidakpastian ekonomi global masih memberi kesan kepada isi rumah serta perniagaan.

Sesuai dengan nama yang membawa maksud 'permulaan' atau 'langkah pertama', Kad Kredit-i Awwal dibangunkan berteraskan konsep pembiayaan bertanggungjawab dengan menawarkan **kadar keuntungan serendah 14% setahun**, di samping tiada yuran tahunan, tiada caj tersembunyi dan mengguna pakai konsep keuntungan tidak berganda (*non-compounding profit*).

Sebagai perbankan Islam penuh, Kad Kredit-i Awwal turut menawarkan ciri-ciri yang menggalakkan pengurusan kewangan secara berhemah, sekali gus membantu pelanggan mengelakkan komitmen hutang yang berlebihan. Sebagai nilai tambah, Bank Muamalat turut menawarkan **perlindungan Takaful secara percuma bagi baki tertunggak**, menjadikannya antara kad kredit-i yang menawarkan perlindungan kewangan tambahan kepada pelanggan tanpa kos tambahan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin berkata, pengenalan Kad Kredit-i Awwal merupakan sebahagian daripada aspirasi Bank untuk memperluaskan akses kepada pembiayaan yang lebih adil, telus dan bertanggungjawab.

"Dalam keadaan ekonomi yang masih dipengaruhi pelbagai cabaran global, rakyat memerlukan lebih daripada sekadar akses kepada kredit. Mereka memerlukan penyelesaian kewangan yang membantu mereka mengurus perbelanjaan secara lebih bijak tanpa menambah tekanan kewangan.

"Kad Kredit-i Awwal dibangunkan berasaskan prinsip bahawa kemudahan kredit seharusnya menjadi alat untuk memperkukuh kesejahteraan kewangan, bukannya mendorong kepada keberhutangan yang berlebihan. Sebagai sebuah bank Islam sepenuhnya, kami percaya setiap produk perlu memberi nilai sebenar kepada pelanggan, selaras dengan prinsip keadilan, ketelusan dan tanggungjawab yang menjadi teras kewangan Islam."

Beliau berkata, berbeza dengan kebanyakan kad kredit yang memberi penekanan kepada ganjaran gaya hidup dan keistimewaan eksklusif, Kad Kredit-i Awwal memberi fokus kepada perkara yang lebih penting kepada pelanggan, iaitu kos pembiayaan yang lebih rendah, struktur caj yang mudah difahami serta ciri-ciri yang menggalakkan pengurusan kewangan secara berhemat.

Selain menawarkan kadar keuntungan yang kompetitif, pelanggan tidak akan dikenakan sebarang keuntungan sekiranya keseluruhan baki tertunggak dijelaskan sebelum tarikh akhir pembayaran, selaras dengan konsep keuntungan tidak berganda yang diamalkan oleh Bank Muamalat.

Pelancaran Kad Kredit-i Awwal melengkapi pelbagai inisiatif Bank Muamalat dalam membantu rakyat menghadapi cabaran ekonomi semasa. Antaranya termasuk pemansuhan caj RM1 bagi pengeluaran wang tunai di semua mesin juruwang automatik (ATM) antara bank, pelaksanaan Program Penjadualan Semula dan Penstrukturan Semula (R&R) pembiayaan, serta penyediaan **Kemudahan Bantuan Penstabilan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME SRF)** bagi menyokong aliran tunai dan kelangsungan perniagaan PKS.

Selaras dengan aspirasi "**Kehidupan Lebih Baik, Bersama**", Bank Muamalat akan terus memperkukuh peranannya sebagai institusi kewangan Islam yang menawarkan penyelesaian kewangan yang inklusif, bertanggungjawab dan memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat serta ekonomi negara.

Kad Kredit-i Awwal dijangka mula ditawarkan kepada orang ramai bermula Oktober 2026. Untuk maklumat lanjut mengenai Kad Kredit-i Awwal, sila layari www.muamalat.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat berhampiran.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.